

**509. Perkataan atau isyarat yang dimaksud mengaibkan kehormatan seseorang.**

Barang siapa dengan maksud hendak mengaibkan kehormatan seseorang, menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau isyarat, atau menunjukkan apa-apa benda, dengan maksud supaya perkataan atau bunyi itu didengar, atau supaya isyarat atau benda itu dilihat oleh seseorang itu, atau mengganggu kesantunan seseorang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

**510. Salahlaku di tempat awam oleh seorang yang mabuk.**

Barang siapa yang dalam keadaan mabuk, berada di mana-mana tempat awam, atau di mana-mana tempat yang menjadi suatu pencerobohan baginya memasuki, dan di situ berkelakuan secara yang menyebabkan kegusaran kepada seseorang, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh hari, atau dengan denda yang boleh sampai dua puluh ringgit, atau dengan kedua-duanya.

**BAB XXIII**  
**PERCUBAAN HENDAK MELAKUKAN KESALAHAN**

**511. Seksaan kerana mencuba melakukan kesalahan-kesalahan yang boleh diseksa dengan penjara.**

Barang siapa mencuba melakukan sesuatu kesalahan yang boleh diseksa di bawah Kanun ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain yang bertulis dengan penjara atau denda atau dengan campuran seksaan-seksaan itu, atau mencuba menyebabkan kesalahan itu dilakukan, dan dalam percubaan itu membuat apa-apa perbuatan bagi melakukan kesalahan itu, hendaklah, jika tiada peruntukan yang nyata dibuat di bawah Kanun ini atau di bawah undang-undang lain yang bertulis itu, mengikut mana yang berkenaan, bagi seksaan percubaan itu, diseksa dengan seksaan yang ada diperuntukkan bagi kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa tempoh penjara yang dikenakan tidaklah boleh lebih daripada setengah daripada tempoh yang lama sekali ada diperuntukkan bagi kesalahan itu.